

For immediate release

## MEDIA STATEMENT

### **IDEAS Welcomes Memorandum of Understanding on Transformation and Political Stability between Government and Opposition**

**Kuala Lumpur, 14 September 2021** - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is greatly encouraged by the signing of the Memorandum of Understanding on Transformation and Political Stability (MoU-TPS) between the Federal government and the Pakatan Harapan (PH) coalition. IDEAS believes that the MoU provides a positive first step towards ensuring more policy-driven competition between political parties.

The MoU includes several important elements. On the COVID-19 front, it is significant that the composition of the members of the National Recovery Council will include public and private sector experts as well as Opposition members. The cash aid of RM10 billion for 11 million Malaysians is also a welcome relief for many who have lost their sources of income due to the pandemic. IDEAS also welcomes the opportunity for the Opposition to contribute meaningfully to the contents of Budget 2022. Limiting the Prime Minister's term to 10 years also provides opportunities for young politicians to rise up more quickly towards leadership positions, and reduce personality-driven patronage within incumbent political parties.

On institutional reforms, IDEAS welcomed the commitment to hasten the implementation of Undi18 and automatic voter registration after many delays. Another important commitment was to reintroduce the Parliamentary Services Act in order for Parliament to exercise autonomy in its administration and finances. Lastly, the balance of representation between Opposition and Government MPs in Parliamentary Select Committees (PSCs) is important to ensure effective check and balance in the Committees' deliberations.

IDEAS CEO Tricia Yeoh commented, "The signing of this MoU today comes after over a year of uncertainty in our political situation, which has greatly eroded the people's confidence in our institutions. We are hopeful that the principles committed to by the government and PH today will not only be lip service, but will be translated into action. There is no better time than now to push for meaningful institutional reforms and we hope these commitments will be implemented according to the stipulated timeline, without delay. This also sends a strong signal that political goals and outcomes can be achieved through healthy policy competition and negotiation, which we greatly encourage."

"However, IDEAS is concerned that only MPs involved in the signing of this MoU are granted equal allocations for constituency development funds (CDFs). As argued in our joint [statement](#) with Bersih 2.0, all MPs should be entitled to equitable CDF allocations as they all serve Malaysians in their respective constituencies and should therefore be entitled to these funds regardless of their political affiliations."

IDEAS hopes that this MoU will be the beginning of healthier bipartisanship in Malaysian politics towards a more mature policy-oriented parliamentary democracy. Ultimately, Malaysians must be allowed to choose their government, but until it is safe and timely for a general election to be held, the Government and Opposition must be able to set aside their differences and focus on getting Malaysia back on track.

--- END ---

### **About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### **For enquiries, please contact:**

Zokhri Idris, Ph.D  
External Relations Director  
[zokhri@ideas.org.my](mailto:zokhri@ideas.org.my)

Untuk siaran segera

## KENYATAAN MEDIA

### **IDEAS mengalukan Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan dan Pembangkang**

**Kuala Lumpur, 14 September 2021** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) amat gembira akan Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MoU-TPS) yang ditandatangani antara pihak kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH). IDEAS percaya bahawa MoU ini adalah satu langkah positif ke arah persaingan berteraskan dasar antara parti-parti politik.

MoU ini mengandungi beberapa elemen penting. Berkenaan Pelan COVID-19, amat penting untuk komposisi anggota Majlis Pemulihan Nasional untuk mengandungi pakar sektor awam dan swasta dan juga wakil Pembangkang. Bantuan tunai sebanyak RM10 billion untuk 11 juta rakyat Malaysia juga merupakan satu kelegaan yang disambut baik oleh ramai yang telah kehilangan sumber pendapatan disebabkan wabak ini. IDEAS juga mengalu-alukan peluang kepada Pembangkang untuk menyumbang kepada isi kandungan Belanjawan 2022. Menghadkan tempoh Perdana Menteri memegang jawatan selama 10 tahun turut menyediakan peluang kepada ahli politik muda mendaki tangga kepimpinan dengan lebih pantas serta mengurangkan naungan berpandukan personaliti di dalam parti politik yang memerintah.

Dari segi pembaharuan institusi, IDEAS berbesar hati dengan komitmen untuk mempercepat pelaksanaan Undi18 dan pendaftaran pengundi automatik setelah melalui banyak penangguhan. Satu lagi komitmen penting yang diperkenalkan semula ialah Akta Perkhidmatan Parlimen agar Parlimen mempunyai autonomi untuk menjalankan pentadbiran dan mengurus kewangan. Akhir sekali, perwakilan setara antara Ahli Parlimen Pembangkang dan Kerajaan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen penting untuk memastikan semak dan imbang berkesan dalam membuat pertimbangan.

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, mengulas, "Menandatangani MoU pada hari ini tiba setelah lebih setahun ketidaktentuan melanda politik Malaysia pada masa yang sama menghakis kepercayaan rakyat terhadap institusi negara. Kami berharap prinsip-prinsip yang diperjuangkan kedua belah pihak hari ini bukan sekadar menanam tebu di tepi bibir, tetapi berusaha untuk menjadikannya satu kenyataan. Sekarang merupakan masa yang terbaik untuk mendesak pelaksanaan pembaharuan institusi yang bermakna dan kami harap komitmen ini akan dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan tanpa berlengah-lengah. Ha ini juga akan memberikan isyarat jelas bahawa matlamat dan hasil politik boleh dicapai menerusi persaingan dasar dan rundingan yang sihat, sebagaimana yang kami amat galakkan."

“Namun, IDEAS gusar jika hanya Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam MoU ini sahaja yang akan diberikan peruntukan setara untuk peruntukan pembangunan kawasan (CDF). Seperti yang telah diperkatakan di dalam [kenyataan](#) kami bersama Bersih 2.0, semua Ahli Parlimen seharusnya layak diberikan peruntukan CDF yang saksama kerana mereka berkhidmat kepada rakyat Malaysia di kawasan masing-masing maka, layak mendapat peruntukan ini tanpa mengira keanggotaan parti politik mereka.”

IDEAS berharap MoU ini akan menjadi satu permulaan kepada hubungan dwipartisan yang lebih sihat dalam politik Malaysia ke arah demokrasi berparlimen berorientasikan dasar yang lebih matang. Rakyat Malaysia perlu dibenarkan untuk memilih kerajaan, tetapi sehingga keadaan menjadi selamat dan sesuai untuk diadakan pilihan raya, pihak Kerajaan dan Pembangkang perlu bersedia mengenepikan perbezaan dan menumpukan kepada agenda pemulihan Malaysia.

--- TAMAT ---

### Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

[zokhri@ideas.org.my](mailto:zokhri@ideas.org.my)